



# **PELAWAAN TUNJUK MINAT**

***Expression of Interest (EOI)***

**Sebagai**

**Rakan Penyedia Perkhidmatan  
Program Micro Connector 2.0**

**SILA HANTAR PELAWAAN TUNJUK MINAT  
BAGI PROGRAM MICRO CONNECTOR 2.0**

## 1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN

- Program Micro Connector adalah merupakan salah satu inisiatif berterusan oleh SME Corp. Malaysia bagi membangunkan Perusahaan Mikro di negara ini.
- Program Micro Connector 2.0 akan dilaksanakan oleh pihak Rakan Penyedia Perkhidmatan / Delivery Partner (DP) yang akan dilantik berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.

## 2. SKOP PELAKSANAAN PROGRAM MICRO CONNECTOR 2.0

- i. Menyediakan sokongan teknikal bagi Perusahaan Mikro untuk meningkatkan produktiviti serta menjalankan perniagaan dengan lebih cekap.
- ii. Pelaksanaan program adalah di antara tiga (3) bulan hingga enam (6) bulan, termasuk proses mendapatkan peserta.
- iii. **Sasaran Peserta**
  - Program mensasarkan peserta Perusahaan Mikro berpotensi tinggi dengan jualan tahunan di antara RM150,000 hingga RM300,000 setahun.  
(Sila rujuk kriteria Peserta Program Micro Connector 2.0.)

- iv. **Bidang Tumpuan**

Menawarkan pakej sokongan teknikal untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan dalam bidang seperti berikut:

- digitalisasi & automasi; termasuk solusi berasaskan pengkomputeran awan (cloud computing), *Customer Relationship Management* (CRM), pengurusan stok, *e-commerce*, *digital marketing & cyber security*;
- *smart farming* (pertanian pintar);
- pembinaan kapasiti kewangan dengan adaptasi penggunaan perisian perakaunan berkomputer; dan
- lain-lain bidang yang dapat meningkatkan produktiviti serta menambahbaik penawaran produk dan perkhidmatan.

Nota:

- Keutamaan kepada projek mempunyai elemen adaptasi teknologi yang dapat meningkatkan kecekapan perniagaan.
- Program Micro Connector 2.0 tidak memfokuskan kepada program berbentuk latihan keusahawanan dan kemahiran.

- v. **Sasaran Outcome Program**

- Perusahaan Mikro meningkatkan pendapatan perniagaan/ produktiviti setelah tamat program.
- Perusahaan Mikro mengadaptasi digital setelah tamat program.

## **KRITERIA PESERTA PROGRAM MICRO CONNECTOR 2.0**

Disasarkan peserta Perusahaan Mikro dengan kriteria berikut:

1. Terdiri daripada Perusahaan Mikro yang berpotensi tinggi dengan jumlah jualan tahunan di antara RM150,000 sehingga RM300,000 setahun.
2. Perniagaan yang berdaftar dengan Akta Syarikat 1965 atau 2016 / Pendaftaran Perniagaan (1956) / Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 / Perniagaan, Profesion & Perlesenan Perdagangan Ordinan (HANYA untuk Sabah dan Sarawak) / berdaftar dengan mana-mana badan profesional yang diiktiraf oleh undang-undang.
3. Sekurang-kurangnya 60% ekuiti milikan warganegara Malaysia.
4. Mempunyai Penyata Kewangan Diaudit / Akaun Pengurusan atau Borang eB, eP dari Lembaga Hasil Dalam Negeri sekurang-kurangnya satu (1) tahun (terkini).
5. Perusahaan mikro yang terlibat dalam industri berimpak tinggi seperti berikut adalah digalakkan untuk menyertai:
  - i. Pertanian pintar
  - ii. Aeroangkasa
  - iii. Elektrik dan elektronik
  - iv. Peranti perubatan
  - v. Industri Halal
  - vi. Pelancongan
  - vii. Minyak & gas
  - viii. Biojisim / Bioteknologi
  - ix. Kesihatan & gaya hidup

## **KRITERIA PELANTIKAN RAKAN PENYEDIA PERKHIDMATAN / DELIVERY PARTNER - DP**

### **1. Syarikat yang dilantik sebagai DP mesti memenuhi kriteria berikut:**

- a) Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016
- b) Syarikat beroperasi di premis perniagaan yang sah dan mempunyai lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Memiliki sekurang-kurangnya 60% ekuiti warganegara Malaysia.
- d) Mengemukakan Penyata Kewangan diaudit sekurang-kurangnya satu (1) tahun (terkini).
- e) Bagi pemohon berstatus PMKS perlu mengemukakan status PMKS (Sekiranya tiada, sekurang-kurangnya mengemukakan permohonan status PMKS sebelum tarikh tamat pelawaan tunjuk minat *Expression of Interest* (EOI)).
- f) Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun kecuali bagi bidang teknologi digital.
- g) Memiliki keupayaan kewangan.

## 2. Tanggungjawab dan Peranan DP

### a) Pelaksanaan

- i. Mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan program berdasarkan skop yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia beserta garis masa pelaksanaan dan profil pasukan pelaksana program.
- ii. Memberikan jadual pelaksanaan program kepada pihak Urus Setia sebelum memulakan program keutamaan adalah kepada pelaksanaan program secara fizikal.
- iii. Mendapatkan penyertaan peserta seperti kriteria yang ditetapkan dan memastikan dokumen sokongan dilengkapkan.
- iv. Memastikan kehadiran penuh peserta dan melengkapkan program yang dilaksanakan.
- v. Bekerjasama dengan Urus Setia di sepanjang pelaksanaan program yang dijalankan.
- vi. Menyediakan laporan pelaksanaan program termasuk analisis data dan penilaian peserta terhadap perubahan dan perkembangan operasi perniagaan.
- vii. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama tiga (3) bulan hingga enam (6) bulan bergantung kepada program yang dicadangkan.
- viii. Kos pakej sehingga 80% akan dibiayai oleh SME Corp. Malaysia manakala baki akan dibiayai sendiri oleh peserta.

### b) Pemantauan

DP yang dilantik harus melaksanakan penilaian impak program bagi membantu SME Corp. Malaysia menilai keberkesanan serta menambahbaik pelaksanaan program. Ini memerlukan DP bertanggungjawab bagi:

- i. Membuat sesi lawatan kepada premis peserta (sekurang-kurangnya 20% daripada keseluruhan peserta yang menyertai program).
- ii. Mempunyai modul pelaporan yang bersistematik dan perlu mengemukakan laporan kemajuan bulanan pelaksanaan program.
- iii. Membuat pemantauan ke atas peserta dan mengemukakan laporan pencapaian peserta kepada SME Corp. Malaysia yang merangkumi peningkatan jualan, pertambahan pekerja dan pengembangan perniagaan setelah tamat program.
- iv. Menyediakan Laporan 5 Kisah Kejayaan (power point, video atau lain-lain format yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia).

### c) Pendaftaran Status PMKS

- Memastikan peserta membuat Pendaftaran Status PMKS bagi mengesahkan sesuatu syarikat / perniagaan adalah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

**d) Promosi**

Menyediakan bahan promosi dan menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bagi menjayakan program ini.

- i. Bahan-bahan promosi yang diterbitkan hendaklah mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu.
- ii. Logo korporat Program Micro Connector 2.0 hanya untuk digunapakai secara eksklusif bagi program ini sahaja.
- iii. Penggunaan logo SME Corp. Malaysia hanya dibenarkan di bahan-bahan promosi berkaitan latihan yang diluluskan SME Corp. Malaysia sahaja. DP tidak dibenarkan untuk mencetak logo SME Corp. Malaysia di kad perniagaan atau bahan promosi latihan yang lain untuk mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat.

**3. PELAWAAN**

- Syarikat yang berminat untuk memohon sebagai Rakan Penyedia Perkhidmatan (DP) Program Micro Connector 2.0 adalah dikehendaki untuk:
  - i. Melengkapkan borang tunjuk minat *Expression of Interest* (EOI) secara *online* sebelum 13 Disember 2022. (Pautan link: <https://tinyurl.com/MicroConnector2023>)
  - ii. Menghadiri Sesi taklimat Program Micro Connector 2.0 pada 15 Disember 2022
  - iii. Mengemukakan dokumen permohonan dan kertas cadangan projek sebelum atau pada 29 Disember 2022
- Hanya pemohon yang menghadiri sesi taklimat Program Micro Connector 2.0 dan menghantar kertas cadangan projek sahaja akan diproses dan dinilai.
- SME Corp. Malaysia berhak memilih atau menolak sebarang penyerahan *Expression of Interest* (EOI). Syarikat dengan *Expression of Interest* (EOI) yang berpotensi akan dipertimbangkan untuk ke peringkat seterusnya. Pemilihan akhir akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan SME Corp. Malaysia dan keputusan permohonan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan SME Corp. Malaysia adalah muktamad.

**4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

29 Disember 2022

**Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:**

Urus Setia Program Micro Connector  
Bahagian Pemantauan Dasar & Pembangunan Inklusif  
SME Corp. Malaysia, Aras 6, Blok C, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Emel : [secretariatmicroconnector@smecorp.gov.my](mailto:secretariatmicroconnector@smecorp.gov.my)

Terima kasih

**Penafian:**

Semua komitmen dan bantuan yang diberikan di bawah Program tersebut bergantung pada ketersediaan dana. SME Corp. Malaysia berhak untuk menghentikan atau menangguhkan Program, atau mengubah kandungan atau format Program, pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan kepada siapa pun, dan meminta penghentian segera dari penggunaan tertentu dari Program. Di samping itu, kami berhak mengikut budi bicara mutlak kami untuk menangguhkan, menghentikan atau menyekat akses orang ramai ke Program pada bila-bila masa dan dengan alasan apa pun. SME Corp. Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana Pihak yang menyertai Program ini.

**AMARAN:** Memberikan maklumat palsu atau mengelirukan untuk tujuan menipu SME Corp. Malaysia adalah jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang hukumannya merangkumi penjara dan sebatan dan juga boleh dikenakan denda. Sebagai tambahan, SME Corp. Malaysia boleh menolak sebarang faedah, ganjaran atau bantuan jika maklumat palsu dikemukakan.

**AMARAN:** Terdapat pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang mengaku sebagai juruperunding atau ejen bagi pihak SME Corp. Malaysia untuk pelaksanaan semua Program Pembangunan PMKS. SME Corp. Malaysia TIDAK pernah melantik juruperunding atau ejen serta TIDAK mengenakan sebarang caj perkhidmatan bagi mana-mana program ini dan dakwaan tersebut merupakan satu kesalahan serius. Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau pertanyaan sila hubungi Talian Info (1-300-30-6000).